

# PBS boleh tanding luar Sabah

Oleh Othman Mamat dan Zainudin Isa

KANGAR, Ahad — Amalan demokrasi di negara ini memberi hak kepada parti politik, termasuk Parti Bersatu Sabah (PBS) meletakkan calon di seluruh negara pada pilihan raya umum akan datang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malah, menurut Perdana Menteri, parti politik bebas meletakkan calon untuk bertanding dalam pilihan raya di mana saja kawasan yang mereka suka.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan tidak kisah jika PBS mahu meletakkan calonnya di luar Sabah, pada pilihan raya umum akan datang.

"Itu hak dia (PBS)... tidak mengapa. Dalam negara demokrasi, dia boleh letak (calon) di mana dia suka," katanya kepada pemberita selepas menutup kejohanan badminton Piala Pusingan Perdana di Dewan Warisan di sini, hari ini.

Perdana Menteri menngulas laporan akhbar mengenai hasrat PBS meletakkan calonnya di luar Sabah pada pilihan raya umum akan datang.

Terdahulu, Dr Mahathir

mengadakan perjumpaan dengan Umno Perlis di Dewan Syarahan Perpustakaan Awam Perlis.

Ditanya sama ada PBS akan mendapat sokongan berikutan langkah itu, beliau berkata: "Terpulang kepada orang (pemilih sama ada) hendak sokong dia (PBS) atau tidak."

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata, ekonomi Sabah merosot teruk ketika PBS memerintah negeri itu walaupun ketika itu sistem perantikan Ketua Menteri secara bergilir tidak diamalkan.

Malah, katanya, ketika Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan menjadi Ketua Menteri Sabah selama sembilan tahun sehingga tahun lalu, pembangunan negeri itu turut terjejas.

"Keadaan buruk lagi... ekonomi dia merosot," katanya.

Perdana Menteri turut menyelar Pairin kerana menyalahkan orang lain apabila berlaku manipulasi sedangkan beliau (Pairin) turut memanipulasikan orang ketika berkuasa dulu.

Ditanya kemungkinan berlaku pergelutan merebut jawatan Ketua Men-

teri di kalangan parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah, Dr Mahathir berkata, BN tidak mahu orang yang tidak mempunyai kesetiaan terhadap parti.

Beliau berkata, tidak ada guna orang yang tidak setia berada dalam parti semata-mata kerana mahu mendapatkan sesuatu untuk kepentingan diri sendiri.

"Saya tidak tahu masa (kerajaan) PBS dulu, siapa yang dapat menjadi Ketua menteri selain daripada Pairin. Sekarang ini ada juga peluang orang lain (menjadi Ketua Menteri)," katanya.

Mengenai pertemuannya dengan Umno Perlis, Perdana Menteri berkata, antara lain, perbincangan menyentuh persiapan pilihan raya memandangkan pilihan raya umum akan diadakan tidak lama lagi.

Beliau memuji persiapan Umno Perlis menghadapi pilihan raya dan yakin mereka sedia menghadapinya.

Menurutnya, perbincangan secara umum turut diadakan bagi menjelaskan fungsi Umno.